

22 APR 1997

PERDANA MENTERI TIBA UNTUK LAWATAN RASMI SEHARI KE PULAU PINANG

PULAU PINANG, 22 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba pagi ini di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas di sini untuk lawatan rasmi sehari ke Pulau Pinang.

Ketibaan beliau disambut Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dan Timbalan Ketua Menteri Datuk Mohd Shariff Omar serta Anggota Exco Kerajaan Negeri.

Perdana Menteri kemudiaannya berlepas ke tapak projek Lebuh Raya Bayan Lepas bagi merasmikan lebuh raya berkenaan dan seterusnya merasmikan majlis menandatangani perjanjian Lebuh Raya Jelutong.

Beliau dijadual melawat projek komersial Bayan Bay yang terletak di kawasan Pantai Jerejak di sini.

Dr Mahathir juga akan merasmikan kilang Unico Technology di Zon Perindustrian Bebas Perai.

Pada sebelah petangnya, beliau akan menghadiri majlis jamuan Pemimpin Bersama Rakyat di Sekolah Menengah Agama Al-Irsyad di Tasek Gelugor.

Selepas majlis berkenaan, Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali akan berlepas pulang ke Kuala Lumpur dari Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Butterworth. Dr Siti Hasmah akan tiba di sini sebelum majlis itu. -- BERNAMA

AA NMO